

16 MAY 1998

#### M'SIA AKAN TERUSKAN PINJAMAN AS\$250 JUTA KEPADA INDONESIA

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Malaysia akan meneruskan bantuan AS\$250 juta (kira-kira RM925 juta) sebagai pinjaman sementara kepada Indonesia walaupun pergolakan berlaku di Jakarta, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita memberikan bantuan kepada sebuah negara. Yang jelas sesiapa sahaja mewarisi kerajaan mempunyai tanggungjawab yang sama seperti tanggungjawab mereka kepada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan badan-badan antarabangsa lain," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah sekembalinya dari lawatan lapan hari ke Mesir dan Sudan.

Pinjaman AS\$250 juta itu diberikan kepada Indonesia sementara ia menunggu pakej bantuan IMF untuk memulihkan ekonominya.

Dr Mahathir berkata apabila sesebuah negara meminjam wang dan berlaku perubahan dalam kerajaan, ia tidak bermakna pinjaman itu terhapus.

Semasa ditanya sama ada IMF harus dipersalahkan terhadap apa yang berlaku di Indonesia, beliau berkata: "IMF tidak sensitif terhadap akibat sosial daripada pemulihan ekonomi seolah-olah ekonomi dan masyarakat tidak langsung ada hubungan antara satu sama lain," katanya.

Ditanya sama ada IMF harus melonggarkan syarat-syarat ketatnya sebelum menyalurkan bantuan kepada Indonesia, Dr Mahathir berkata pertubuhan itu harus menyedari bahawa syarat-syarat yang dikenakan yang menyekat pertumbuhan ekonomi, akan membuatkan rakyat menderita.

Katanya dalam sebuah masyarakat yang bergantung kepada subsidi, rakyat memerlukan lebih banyak subsidi apabila nilai mata wang mereka merosot.

"Dalam keadaan biasa, ia boleh mengurangkan subsidi tetapi apabila rakyat menjadi lebih miskin dan ia menarik balik subsidi itu, ia sengaja meresahkan rakyat dan seolah mahukan mereka bertindak balas secara ganas.

"Seperti yang anda lihat, kemarahan bukan sahaja ditujukan kepada kerajaan tetapi juga para peniaga kerana mereka berfikir para peniaga telah mengaut keuntungan.

"Kebetulan para peniaga itu adalah kaum Cina. Hakikatnya ialah dalam keadaan sedemikian, rakyat mengambil kesempatan untuk mencuri," katanya.

Perdana Menteri berkata apa yang berlaku di Indonesia amat dikesali dan pihak-pihak yang tidak berpuashati seharusnya duduk menyelesaikan perselisihan mereka.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan lebih banyak rakyat Indoensia meninggalkan negara itu untuk datang ke Malaysia. -- BERNAMA

ARA/AD RON MA